

Berita Harian, 26 Jun 78,



DATO DR. MAHATHIR

## Tokoh2 UMNO ke Kedah untuk bantu kampenn Barisan

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah antara pemimpin Barisan Nasional yang akan berkunjung ke Kedah untuk membantu calon-calon Barisan dalam kempen pilihanraya.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman, akan juga ke negeri itu untuk berkempen.

Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamed Nasir difahamkan akan turut sama membantu calon-calon Barisan.

Menurut sumber BN kira-kira 15,000 pekerja parti telah dihantar ke semua kawasan pilihanraya untuk menjalankan kempen rumah ke rumah dan memberi ceramah bagi memastikan calon-calon Barisan mencapai kejayaan.

### Kempen

Tumpuan lebih serius akan diberi ke kawasan-kawasan pilihanraya di mana pemimpin-pemimpin PAS seperti Datuk Mohamed Asri dan Timbalannya, Datuk Haji Abu Bakar Umar bertanding menentang calon Barisan.

Datuk Haji Mohamed Asri bertanding di kawasan Parlimen Padang Terap. Calon Barisan bagi kawasan itu ialah Menteri Besar, Datuk Syed Ahmad Shahabuddin.

Manakala muka baru Encik Ghazali Ahmad mewakili Barisan menentang Datuk Abu Bakar Umar dan seorang calon bebas di kawasan Parlimen Kota Setar.

Sumber Barisan Nasional menyatakan parti tersebut berazam bagi memastikan kejayaan gemilang dan PAS kalah dengan teruk.